

wenangnya ke atas negeri-negeri lain, terutamanya negara-negara kaum muslimin.

Sesungguhnya siapa pun yang mengamati berbagai peristiwa politik antarabangsa sekarang ini, khususnya di Dunia Islam, dapat menyimpulkan bahawa Amerika sedang meluaskan hegemoninya atas dunia sekaligus mengarahkan dunia sesuai dengan cita-citanya. Oleh itu, kaum muslimin mestilah berwaspada akan setiap tindak tanduk Amerika laknatullah ini dan menyedari bahawa untuk mengatasi penguasaan Amerika ini, kaum muslimin haruslah bersatu dan menegakkan Daulah Khilafah sebagai satu-satunya perisai yang akan dapat melindungi dan meningkatkan martabat umat Islam.

### Wahai kaum Muslimin!

Anda sekalian adalah umat yang terbaik dan tertinggi. Negeri-negeri kaum Muslimin adalah negeri-negeri yang kaya dengan sumber alam dan penduduknya rela melepaskan nyawa dan harta mereka untuk Allah. Lebih daripada itu, umat muslimin adalah umat yang memiliki ideologi yang unik, yakni Islam yang unggul. Hanya dengan Islamlah, umat akan dapat hidup dan bebas dari kezaliman serta tindakan penguasa kuku besi dan selamat dari *thaghut* abad 21, Amerika Syarikat.

Sesungguhnya anda sekalian adalah pemimpin di dunia ini. Sementara itu, negeri-negeri anda adalah panggung dinamik, menjadi persaingan antara negara-negara kafir penjajah lantaran kedudukan strategiknya dan kekayaan alamnya sebagai nikmat yang telah Allah SWT berikan kepada anda sekalian. Bagaimana orang-orang kafir boleh mengetahui kekayaan anda dan kedudukan anda yang strategik, yang membuat mereka bersaing merebutnya, sedangkan anda sekalian menutup mata dari nikmat dan kekuatan yang telah Allah SWT berikan??

Bukankah anda sekalian adalah umat yang telah melakukan berbagai pembebasan (*futuhât*) yang telah menjadikan banyak umat meninggalkan agama-agama mereka yang batil dan semangat bangsa mereka yang rusak, lalu mereka menjadi satu umat yang dipersatukan dan digerakkan oleh Islam?

Bukankah anda sekalian yang telah mengalahkan pasukan Tartar bahkan anda sekalian telah menundukkan salah satu suku mereka ke dalam pangkuan Islam di mana sisa-sisa mereka di bahagian utara negeri-negeri Islam mengembangkan Islam hingga ke hari ini? Bukankah anda sekalian yang telah mengalahkan tentera Salib setelah mereka membangkangn berbagai kerajaan dan negara di tanah anda sekalian, lalu mereka terlempar dari tanah dan langit negeri anda sekalian dan mereka tercerai-berai, hina dan direndahkan?

Sesungguhnya para *taghut* hari ini, Amerika, Britain dan para pengikut mereka, adalah sama seperti mereka yang telah lalu itu; mereka itu tidak mampu berperang. Mereka turun ke medan pertempuran dan setelah itu mundur didalam kekalahan. Sesungguhnya, Perang Hittin adalah permulaan runtuhnya pasukan Salib dan 'Ain Jalut pembuka runtuhnya kaum Tartar. Demikianlah mereka itu. Dengan izin Allah, semua ini akan berulang dengan berdirinya Daulah Khilafah – menghancurkan *taghut* abad ke 21 ini!!!

Daulah Khilafahlah satu-satunya negara yang akan mampu menghapuskan Amerika dan Britain dari panggung antarabangsa; satu-satunya negara yang akan mampu menghalang hegemoni Amerika Syarikat dari pentas politik antarabangsa; satu-satunya negara yang akan menyelamatkan dunia dari kejahatan dan meluaskan kebaikan ke seluruh penjuru dunia.

Wahai Umat Islam, berjuanglah bersama mereka yang berjuang mengembalikan Daulah Khilafah Rasyidah - melalui tariqah Rasulullah - yang kembalinya telah dikhabarkan oleh Rasulullah dalam hadis-hadis sahih. Jadilah anda sekalian sebagai penolong dan pendukung para pejuang ini sebagai bentuk ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW mengembalikan kemuliaan dan ketinggian Islam.

*“Janganlah kamu merasa lemah dan meminta kedamaian padahal kamulah yang di atas dan Allah (pun) beserta kamu dan Dia sekali-kali tidak akan mengurangi (pahala) amal-amalmu.”* (TMQ Muhammad, 47: 35)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## WASPADA TERHADAP AMERIKA : SATULAGI PENJAJAHAN NEGERI KAUM MUSLIMIN AKAN BERLAKU.

### Iran menolak tawaran EU untuk berbincang mengenai isu nuklear.

**TEHRAN (AFP)** – Iran telah menolak tawaran Kesatuan Eropah untuk menghadkan aktiviti pembuatan bahan bakar nuklear. Iran juga telah memberi amaran kepada Washington agar jangan 'bermain api' didalam kehangatan isu nuklear yang sedang berlaku antara Tehran dan dunia barat. Iran berkeras tidak akan memberhentikan pembangunan 'reaktor air berat' mereka yang mampu untuk mengeluarkan bahan untuk membuat senjata nuklear dan menggantikannya dengan 'reaktor air ringan' yang ditawarkan oleh Eropah – begitulah kata-kata Jurucakap Kementerian Luar Iran, Hamid Reza Asefi. **(Berita AFP 13hb Februari 2005)**

**[180205]** Setelah selesai penjajahannya ke atas Iraq, kini Negara Uncle Sam laknatullah mengalihkan sasarannya ke Iran pula atas alasan yang sama. Ini semua adalah gara-gara Iran juga telah menyepakati Perjanjian berkenaan senjata nuklear yang telah ditandatangani iaitu Perjanjian Larangan Pengembangan Senjata Nuklear (*nuclear Non-Proliferation Treaty-NPT*). Iran tergolong sebagai Negara 'non-nuclear weapon states (NNWS)' – dan apabila sebuah Negara NNWS disyaki atau didapati memiliki senjata nuklear, maka ia akan dituduh sebagai 'negara jahat' dan dijadikan sasaran seperti yang berlaku di Iraq dan Korea Utara sebelum ini. Maka sekarang tibalah giliran Iran pula untuk dijadikan sasaran Amerika.

Sautun Nahdhah kali ini akan cuba mengupas hakikat NPT, apakah hukum keatas negeri-negeri kaum Muslimin yang menyepakati perjanjian ini, hukum memiliki senjata nuklear dan hukum menggunakannya? dan seterusnya, apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh kaum muslimin untuk menyelesaikan permasalahan ini.

### Nuclear Non-Proliferation Treaty -NNPT

Perjanjian Larangan Pengembangan Senjata Nuklear (*nuclear Non-Proliferation Treaty-NPT*) adalah undang-undang yang berkaitan dengan pengembangan, pembinaan dan penjualan senjata nuclear dan teknologi yang bersangkutan dengannya. Ia mula ditandatangani pada 1hb Julai 1968 oleh London, Moscow dan Washington serta 59 negara lain dan dikuatkuasakan pada 5hb Mac 1970 dengan dokongan kuat Amerika Syarikat. Kini, sebanyak 187 buah negara telah menyertainya. Negara-negara ini telah dikelaskan kepada 2 kategori: Negara-negara nuklear (*nuclear-weapon states-NWS*) yang termasuk didalamnya Amerika Syarikat, Russia, China, Perancis dan United Kingdom; dan negara-negara bukan nuklear (*non-nuclear weapon states - NNWS*).

NPT adalah satu perjanjian multilateral. Di bawah perjanjian ini, lima negara NWS ini

dilarang untuk mempersenjatakan Negara-negara bukan nuklear dengan senjata nuklear. Begitu juga Negara-negara bukan nuklear telah bersepakat untuk melepaskan senjata nuklearnya atau tidak berusaha untuk membina senjata nuklear dalam apa jua pun bentuknya seperti yang dinyatakan dalam Artikel I dan II perjanjian NPT. Bagi perlaksanaannya, satu badan khas telah ditubuhkan -Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (*International Atomic Energy Agency-IAEA*) yang bertanggungjawab untuk meyediakan satu sistem perlindungan pengembangan senjata nuklear. Badan ini digunakan untuk memastikan kepatuhan kepada perjanjian itu melalui pemeriksaan yang diadakan setiap lima tahun.

Dengan keahlian hampir seluruh negara-negara dunia, NPT mendapat sokongan yang paling meluas daripada semua perjanjian kawalan ketenteraman yang lain. Hanya Cuba, India,

Nasyrah Terbitan:

**Hizbut Tahrir  
MALAYSIA**

Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-maillkan kepada [htm@mykhillafah.com](mailto:htm@mykhillafah.com)

Israel dan Pakistan masih berada diluar perjanjian. Bagi menyetujui perjanjian ini, negara-negara ini mestilah bertindak sebagaimana negara-negara bukan nuklear kerana NPT hanya menghadkan status NWS kepada negara yang ada 'mengilang dan meledakkan senjata nuklear atau alat letupan nuklear lain sebelum 1hb Januari 1967". India, Israel dan Pakistan, kesemuanya diketahui mempunyai atau dipercayai memiliki senjata nuklear, tidak bergabung dengan perjanjian tersebut. Afrika Selatan menandatangani perjanjian tersebut selepas menghapuskan senjata nuklearnya pada awal 1990an. Korea Utara pula telah menarik diri dari perjanjian ini dan baru-baru ini ia telah mendeklarasi bahawa ia telahpun membina dan memiliki senjata nuklear.

### Hakikat sebenar NPT

NPT merupakan diskriminasi kepada kebanyakan negara-negara lain di dunia ini; mencipta semacam kelab 'elite' negara-negara bersenjata nuklear, memastikan bahawa monopoli pemilikan senjata nuklear tetap berada ditangan mereka. Dengan adanya perjanjian ini, mana-mana negara NNWS yang cuba mendapatkan senjata nuklear akan dikecam dan akan menjadi sasaran Amerika sebagai satu-satunya kuasa besar yang akan tetap berkeras akan 'haknya'. Amerika akan menjustifikasikan kecamannya keatas negara-negara tersebut dengan mengatakan bahawa negara-negara ini akan menggunakan senjata nuklear tersebut. Pelik.....satu-satunya negara yang memiliki dan pernah menggunakan senjata nuklear dalam peperangan adalah Amerika – dan sehingga hari ini, artikel VI perjanjian ini masih tidak dihiraukan oleh NWS terutamanya Amerika Syarikat.

Secara praktiknya, tiada satupun daripada kelima-lima buah negara NWS menunjukkan niat yang serius untuk menghapuskan senjata sebagaimana yang dikehendaki oleh perjanjian. Mereka (yang diterajui oleh Amerika) sebenarnya bertujuan untuk memonopoli senjata nuklear, dan menafikan negara lain dari memilikinya. Inilah satu lagi sikap 'double standard' yang pelik, namun ditelan bulat-bulat oleh dunia secara umumnya. Amerika hanya memandang NPT ini sebagai alat untuk menghalang negara lain dari memiliki senjata nuklear dan memecahkan monopoli nuklear dunia, yang rata-rata dikawal oleh Amerika. Jika kita perhatikan keadaan politik antarabangsa, kita akan dapati bahawa perjanjian NPT ini hanyalah diatas kertas. Faktanya, Amerika masih membuat pembangunan senjata baru - yang terbaru sebanyak USD 9 juta diperuntukkan kepada 3 buah makmal pembangunan senjata nuklearnya **Suara Kebangkitan [2]**

untuk menghasilkan senjata yang lebih lasak dan berkeyakinan (*The New York Times, Isnin, 7/2/05*). Dasar hipokrit Amerika ini dapat dilihat dengan lebih jelas dari tindakannya menarik diri dari Perjanjian Peluru Berpandu Anti-Balistik (*Anti-Ballistic Missile Treaty-ABMT*) dengan Russia dengan alasan bahawa perjanjian ini menghalang Amerika dari mengembangkan sistem pertahanan bagi menangkis serangan penganas dan negara-negara 'jahat'; sedangkan pada masa yang sama, Amerika, pada ketika itu mengecam tindakan Iraq dan Korea Utara melanggar perjanjian yang menghalang mereka dari memiliki senjata nuklear.

### Hukum mematuhi NPT, memiliki senjata nuklear dan menggunakan senjata nuklear. Allah SWT berfirman:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ ذُوَيْهِمْ لَا تَعْلَمُوهُمْ ۗ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿١٤١﴾

*“Dan persiapkanlah diri untuk menghadapi merekadengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang kamu tambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu dapat menggentarkan musuh Allah, musuh kamu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak ketahui sedangkan Allah mengetahui mereka. Apa-apa yang kamu belanjakan dijalan Allah nescaya disempurnakan Allah balasannya kepada kamu sedangkan kamu tidak dizalimi”.* (TMQ al-Anfaal,8:60)

Ibnu Abbas mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-quwwah* adalah *as-silah* (senjata) dan *al-qasiy*. Persiapan ini mencakup semua jenis senjata dan diantaranya adalah kuda. Allah SWT mencontohkan kuda kerana dahulu, kuda adalah kekuatan yang paling tinggi yang ada pada masa itu. Perkataan 'turhibuna bihi' (agar dengannya musuh menjadi gentar) merupakan *illah* atau sebab kepada perlunya disediakan persenjataan. Allah SWT memerintahkan kaum Muslimin untuk mempersiapkan segala kekuatan yang mereka sanggup untuk menggentarkan musuh Allah SWT yang kita ketahui dan yang tidak kita ketahui. Oleh kerana itu, ia mencakupi

semua jenis persenjataan yang boleh diperolehi hari ini termasuklah senjata nuklear. Perjanjian NPT telah melarang kaum Muslimin untuk memiliki senjata yang mampu menggentarkan musuh. Oleh itu, kaum Muslimin tidak seharusnya terikat dengan perjanjian tersebut kerana ia bertentangan dengan apa yang telah Allah perintahkan. Dengan itu perjanjian ini atau kesepakatan seumpamanya seperti mewujudkan zon bebas nuklear di Timur Tengah (APF- Cairo, 15/8/2004) yang dirancang untuk diadakan Januari lepas juga adalah haram dan kita tidak boleh menyepakatinya ataupun melaksanakannya.

Daripada dalil di atas, jelas bahawa kaum Muslimin wajib mempunyai senjata nuklear kerana hari ini, senjata tersebut adalah senjata terhebat yang ada, yang bisa menggentarkan musuh-musuh Allah. Musuh-musuh Islam yang nyata seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom memiliki senjata tersebut sehingga mereka boleh menggugat kedaulatan negara-negara lain sesuka hati mereka. Mereka faham dengan jelas bahawa mereka digeruni musuh kerana mereka memiliki kekuatan ketenteraan termasuk kekuatan senjata nuklear. Ini memberikan keyakinan kepada mereka untuk bertindak sesuka hati mereka, dan dunia hanya akan sepi membisu memerhatikan tindakan mereka tanpa sebarang penentangan fizikal. Inilah yang mereka sebut sebagai 'deterrence' - satu justifikasi kepemilikan senjata nuklear mereka.

Kaum muslimin sebagai umat yang mulia, tidak wajar menjadi umat yang ditekan, umat yang menjadi 'target' musuh-musuh Allah. Adalah merupakan satu kewajiban keatas kaum muslimin untuk memiliki senjata tersebut bagi menjamin keamanan dan keselamatan mereka, dan lebih penting lagi bagi menggentarkan musuh-musuh Allah. Namun begitu, perlu dijelaskan disini bahawa hukum memiliki adalah berbeza dengan hukum menggunakan senjata nuklear – ini melibatkan dua aktiviti yang berbeza. Memiliki senjata nuklear merupakan satu kewajiban sebagai uslub untuk menggentarkan musuh. Sedangkan hukum asal penggunaan senjata nuklear adalah haram disisi Islam. Rasulullah SAW bersabda:

*“Bertolaklah ke medan perang dengan ‘Bismillah’ dan dengan agama Rasulullah, jangan kamu membunuh orang tua, jangan kamu membunuh bayi dan kanak-kanak, dan jangan kamu membunuh wanita, dan jangan*

*kamu melakukan ghulul (mengelapkan rampasan peran) dan jagalah harta rampasan perang, buatlah perbaikan (islah) dan ihsan, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang membuat kebaikan.* (HR Imam Abu Daud)

Namun begitu, sekiranya musuh (kaum kuffar) menggunakannya terlebih dahulu, maka kaum muslimin boleh menggunakannya - itupun sebagai jalan terakhir. Kaum muslimin tidak boleh menggunakan senjata nuklear sebagai pukulan pertama atau 'first strike' keatas musuh.

الشُّهُرُ الْحَرَامُ بِالشُّهُرِ الْحَرَامِ وَالْحُرُمَةُ قِصَاصٌ فَمَنْ أَعْتَدَى عَلَيْكُمْ فَأَعِدُّوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَى عَلَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٤٦﴾

*“Bulan haram (dibalas) dengan bulan haram dan didalam kehormatan itu qisas. Barangsiapa yang membuat aniaya kepadamu maka boleh kamu aniaya kepadanya, seumpama keaniayaannya kepadamu dan takutlah kepada Allah dan ketahuilah bahawasanya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.”* (TMQ Al-Baqarah, 2:194)

### Agenda Amerika

Disebalik isu ini hakikatnya Amerika ingin meluaskan lagi tanah jajahannya, dominasinya, hegemoninya. Isu senjata nuklear ini sengaja diperbesar-besarkan untuk dijadikan alasan untuk mereka bertindak sesuka hati mereka. Kita dapat lihat bagaimana Amerika, dengan tipu helah jijik mereka telah menjadikan serangan dan penjajahannya keatas Iraq dahulu sebagai perkara yang dipandang sesuai dengan undang-undang antarabangsa. Amerika telah berjaya mengarahkan dunia untuk bersetuju dengan tindakan sewenang-wenang mereka melanggar kedaulatan negara lain dan menjajahnya. Sekarang, Amerika ingin pula menjajah Iran yang juga kaya dengan minyak. Sebenarnya, isu senjata nuklear ini hanyalah salah satu cara (*uslub*) yang dijadikan alasan campurtangan Amerika – dan mereka gunakan IAEA sebagai wasilah untuk mencapai tujuan ini. Bagi mencapai kehendak mereka, Amerika akan menggunakan pelbagai cara untuk menjajah negeri-negeri lain. Bukanlah suatu yang memeranjatkan, sekiranya Amerika perlu menjajah Malaysia atau Indonesia secara ketenteraan, mereka boleh sahaja menggunakan isu terorisma dan pelbagai alasan lain lagi untuk mengesahkan tindakan sewenang-